

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 4 TAHUN 2022**

**CADANGAN PENETAPAN KADAR BAYARAN *EX GRATIA* BAGI TUJUAN  
PENYELESAIAN HALANGAN-HALANGAN ATAS TANAH KERAJAAN DAN  
PENCEROBOHAN TANAH MILIK YANG MELIBATKAN PROSES  
PENGAMBILAN TANAH**

---

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 22/2022 yang bersidang pada 02 November 2022 telah membuat keputusan bersetuju meluluskan Cadangan Penetapan Kadar Bayaran *Ex-Gratia* Bagi Tujuan Penyelesaian Halangan-halangan Atas Tanah Kerajaan dan Pencerobohan Tanah Milik Yang Melibatkan Proses Pengambilan Tanah sebagaimana berikut :-

2. Bayaran *ex-gratia* hanya diberikan dalam keadaan-keadaan sebagaimana berikut:
  - 2.1 Pendudukan (rentahan) di atas tanah kerajaan yang terdapat kelulusan dasar daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk diberimilik;
  - 2.2 Pendudukan di atas tanah yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan dalam proses untuk didaftarkan hakmilik.
3. Kadar bayaran *ex-gratia* adalah sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada nilai tanah tersebut.
4. Pihak Berkuasa Negeri boleh memutuskan apa-apa keadaan-keadaan yang lain sebagaimana yang difikirkan wajar.
5. Penerimaan bayaran *ex-gratia* ini adalah bertindak sebagai satu penepian (*waiver*) untuk membuat apa-apa tuntutan lain melalui apa-apa proses undang-undang yang berkuatkuasa.

6. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN.**

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU KELANTAN.**

**NO FAIL : PTG.KN.11/6/1 JLD. 2 ( )  
BERTARIKH : 18 Jamadil Awal 1444H  
13 Disember 2022**